



14 November 2024
14 November 2024
P.U. (A) 342

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

*FEDERAL GOVERNMENT
GAZETTE*

PERINTAH LEMBAGA PELABUHAN
(PELABUHAN WILAYAH PERSEKUTUAN LABUAN
DAN PELABUHAN TELUK VICTORIA) 2024

*PORT AUTHORITIES
(FEDERAL TERRITORY OF LABUAN PORT
AND VICTORIA BAY PORT) ORDER 2024*

DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA LEMBAGA PELABUHAN 1963

PERINTAH LEMBAGA PELABUHAN (PELABUHAN WILAYAH PERSEKUTUAN LABUAN
DAN PELABUHAN TELUK VICTORIA) 2024

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 47 Akta Lembaga Pelabuhan 1963 [*Akta 488*], Yang di-Pertuan Agong membuat perintah seperti yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Lembaga Pelabuhan (Pelabuhan Wilayah Persekutuan Labuan dan Pelabuhan Teluk Victoria) 2024**.

(2) Perintah ini mula berkuat kuasa pada 15 November 2024.

Tafsiran

2. Dalam Perintah ini, “Lembaga” ertinya Lembaga Pelabuhan Labuan.

Pindaan Jadual Pertama

3. Akta Lembaga Pelabuhan 1963 dipinda dalam Jadual Pertama dengan memasukkan selepas butiran “Tanjung Pelepas Port” dan butir-butir yang berhubungan dengannya butiran dan butir-butir yang berikut:

(1) Port	(2) Port Authority	(3) Date of Establishment
“Federal Territory of Labuan Port	Labuan Port Authority	25 October 2024
Victoria Bay Port	Labuan Port Authority	25 October 2024”.

Pemakaian

4. Kecuali bagi Bahagian VIII Akta, semua peruntukan Akta hendaklah terpakai bagi Pelabuhan Wilayah Persekutuan Labuan dan Pelabuhan Teluk Victoria.

Pemindahan kuasa, hak, dsb.

5. Segala kuasa, hak, kewajipan, liabiliti dan obligasi yang sebaik sebelum tarikh permulaan kuat kuasa Perintah ini adalah kuasa, hak, kewajipan, liabiliti dan obligasi Lembaga Pelabuhan Bintulu sebagaimana yang diperluas kepada Pelabuhan Wilayah Persekutuan Labuan dan Pelabuhan Teluk Victoria di bawah Perintah Lembaga Pelabuhan Bintulu (Peluasan Fungsi) 2017 [*P.U. (A) 35/2017*] hendaklah, pada tarikh permulaan kuat kuasa Perintah ini, diturunkan kepada Lembaga.

Peletakhakan harta, hak, dsb.

6. Segala harta, hak, kepentingan, obligasi dan liabiliti yang berhubungan dengan pengurusan atau operasi Pelabuhan Wilayah Persekutuan Labuan dan Pelabuhan Teluk Victoria oleh Lembaga Pelabuhan Bintulu sebagaimana yang diperluas kepada Pelabuhan Wilayah Persekutuan Labuan dan Pelabuhan Teluk Victoria di bawah Perintah Lembaga Pelabuhan Bintulu (Peluasan Fungsi) 2017 hendaklah, pada tarikh permulaan kuat kuasa Perintah ini, dipindahkan kepada dan terletak hak pada Lembaga tanpa apa-apa pemindahhakan, penyerahhakan atau pemindahan.

Perjanjian sedia ada

7. Perjanjian sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual yang dibuat sebelum tarikh permulaan kuat kuasa Perintah ini yang berhubungan dengan harta, hak, kepentingan, obligasi dan liabiliti yang dipindahkan kepada dan terletak hak pada Lembaga di bawah perenggan 6 hendaklah, pada tarikh permulaan kuat kuasa Perintah ini, terus berkuat kuasa terhadap atau memihak kepada Lembaga dan dikuatkuasakan seolah-olah Lembaga telah dinamakan dalam perjanjian, surat ikatan, surat cara dan dokumen lain itu.

Penerusan undang-undang

8. Undang-Undang Kecil Lembaga Pelabuhan Labuan (Pelabuhan Teluk Victoria) (Skala Kadar, Dius dan Caj) 2020 [*P.U. (A)108/2020*] hendaklah, pada tarikh permulaan kuat kuasa Perintah ini, terus berkuat kuasa dan disifatkan telah dibuat oleh Lembaga sehingga dipinda atau dibatalkan.

JADUAL

[Perenggan 7]

Bil.	Perihal Perjanjian	Tarikh Tandatangan Perjanjian
1.	Perjanjian bagi Sewaan Ruang Pejabat antara Lembaga Pelabuhan Labuan dengan Ko Lim TriStar Sdn. Bhd.	15 April 2017
2.	Perjanjian bagi Perkhidmatan Sewa Guna Komputer All-In-One (AIO) dan Komputer Riba antara Lembaga Pelabuhan Labuan dengan N-Base Sarawak Sdn. Bhd.	1 April 2022
3.	Perjanjian bagi Pajak Kecil antara Lembaga Pelabuhan Labuan dan Straits Inter Logistics Berhad	10 Mac 2020
4.	Perjanjian bagi Naiktaraf dan Penstrukturan Semula Modul untuk Sistem E-Pelabuhan antara Lembaga Pelabuhan Labuan dan Cargo Lab Sdn. Bhd.	14 November 2023

Dibuat 13 November 2024

[MOT.BM(S).600-2/9/9 Jld.4(16); PN(PU2)175/JLD.7]

Dengan Titah Perintah

LOKE SIEW FOOK
Menteri Pengangkutan

PORT AUTHORITIES ACT 1963

PORT AUTHORITIES (FEDERAL TERRITORY OF LABUAN PORT
AND VICTORIA BAY PORT) ORDER 2024

IN exercise of the powers conferred by section 47 of the Port Authorities Act 1963 [Act 488], the Yang di-Pertuan Agong makes the following order:

Citation and commencement

1. (1) This order may be cited as the **Port Authorities (Federal Territory of Labuan Port and Victoria Bay Port) Order 2024**.

(2) This Order comes into operation on 15 November 2024.

Interpretation

2. In this Order, “Authority” means the Labuan Port Authority.

Amendment of First Schedule

3. The Port Authorities Act 1963 is amended in the First Schedule by inserting after item “Tanjung Pelepas Port” and the particulars relating to it the following items and particulars:

(1) Port	(2) Port Authority	(3) Date of Establishment
“Federal Territory of Labuan Port	Labuan Port Authority	25 October 2024
Victoria Bay Port	Labuan Port Authority	25 October 2024”.

Application

4. Except for Part VIII of the Act, all provisions of the Act shall apply to Federal Territory of Labuan Port and Victoria Bay Port.

Transfer of powers, rights, etc.

5. All powers, rights, duties, liabilities, and obligations which immediately before the date of coming into operation of this Order were the powers, rights, duties, liabilities and obligations of the Bintulu Port Authority as extended to the Federal Territory of Labuan Port and the Victoria Bay Port under the Bintulu Port Authority (Extension of Functions) Order 2017 [*P.U. (A) 35/2017*] shall, on the date of coming into operation of this Order, be devolved upon the Authority.

Vesting of property, rights, etc.

6. All properties, rights, interests, obligations and liabilities relating to the management or operation of the Federal Territory of Labuan Port and Victoria Bay Port by the Bintulu Port Authority as extended to the Federal Territory of Labuan Port and the Victoria Bay Port under the Bintulu Port Authority (Extension of Functions) Order 2017 shall, on the date of coming into operation of this Order, be transferred to and vested in the Authority without any conveyance, assignment or transfer.

Existing agreements

7. The agreements as specified in the Schedule made before the date of coming into operation of this Order relating to the properties, rights, interests, obligations and liabilities be transferred to and vested in the Authority under paragraph 6 shall, on the date of coming into operation of this Order, continue to be in force against or in favour of the Authority and enforceable as if the Authority has been named on such agreements, deeds, instruments and other documents.

Continuance of laws

8. The Labuan Port Authority (Victoria Bay Port) (Scale of Rates, Dues and Charges) By-Laws 2020 [*P.U. (A) 108/2020*] shall, on the date coming into operation of this Order, continue to be in force and deemed to be made by the Authority until amended or revoked.

SCHEDULE

[Paragraph 7]

No.	Description of Agreement	Signing Date of Agreement
1.	Perjanjian bagi Sewaan Ruang Pejabat antara Lembaga Pelabuhan Labuan dengan Ko Lim TriStar Sdn. Bhd.	15 April 2017
2.	Perjanjian bagi Perkhidmatan Sewa Guna Komputer All-In-One (AIO) dan Komputer Riba antara Lembaga Pelabuhan Labuan dengan N-Base Sarawak Sdn. Bhd.	1 April 2022
3.	Perjanjian bagi Pajakan Kecil antara Lembaga Pelabuhan Labuan dan Straits Inter Logistics Berhad	10 March 2020
4.	Perjanjian bagi Naiktaraf dan Penstrukturan Semula Modul untuk Sistem E-Pelabuhan antara Lembaga Pelabuhan Labuan dan Cargo Lab Sdn. Bhd.	14 November 2023

Made 13 November 2024

[MOT.BM(S).600-2/9/9 Jld.4(16); PN(PU2)175/JLD.7]

By Command

LOKE SIEW FOOK
Minister of Transport